

# STPM Kertas 1 2015:

## Soalan 1

- (a) Nyatakan dua perbezaan antara perbelanjaan hasil dengan perbelanjaan modal. (2 markah)
- (b) Nyatakan dua perbezaan antara aset inventori dengan aset tetap. (2 markah)
- (c) Perniagaan Amani Adik-Beradik adalah dalam proses menyediakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013. Draf penyata pendapatan komprehensif dan kedudukan kewangan berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti yang berikut:

**Perniagaan Amani Adik-Beradik**  
**Draf Penyata Pendapatan Komprehensif (Penyata Pendapatan)**  
**Untuk tahun berakhir 31 Disember 2013**

|                   | RM             |
|-------------------|----------------|
| Jualan            | 400,000        |
| Kos jualan        | <u>200,000</u> |
| Untung kasar      | 200,000        |
| Belanja operasi   | <u>172,000</u> |
| Pendapatan bersih | <u>28,000</u>  |

**Perniagaan Amani Adik-Beradik**  
**Draf Kedudukan Kewangan (Kunci Kira-kira)**  
**Pada 31 Disember 2013**

|                            | RM            |                         | RM            |
|----------------------------|---------------|-------------------------|---------------|
| <b>Aset semasa</b>         |               | <b>Liabiliti semasa</b> |               |
| Tunai                      | 32,500        | Pemiutang perdagangan   | 10,000        |
| Penghutang perdagangan     | 24,000        | Nota belum bayar(8%)    | 10,000        |
| Inventori                  | <u>32,000</u> |                         |               |
|                            | 88,500        |                         | 20,000        |
|                            |               |                         |               |
| <b>Aset jangka panjang</b> |               | <b>Ekuiti pemilik</b>   |               |
| Alatan pejabat (bersih)    | 8,000         | Modal                   | 48,500        |
|                            |               | Pendapatan bersih       | <u>28,000</u> |
|                            | <u>96,500</u> |                         | <u>96,500</u> |

Kerani akaun yang menyediakan penyata kewangan mendapati beberapa perkara berikut perlu diambil kira:

- (1) Pada awal tahun 2013, Perniagaan Amani Adik-Beradik telah membelanjakan sejumlah tunai RM40,000 untuk membeli sebuah van pengangkutan yang dijangka boleh digunakan selama lima tahun tanpa nilai sisa. Kesemua amaun ini telah direkodkan sebagai sebahagian daripada belanja operasi.
- (2) Amaun belanja operasi termasuk pendahuluan gaji yang dibayar kepada pekerja berjumlah RM6,000.
- (3) Inventori akhir pada 31 Disember 2012 telah terlebih nyata sebanyak RM5,000. Kesilapan ini tidak diperbetulkan dan amaun yang sama dinyatakan sebagai inventori awal dalam penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013.
- (4) Pemilik perniagaan telah mengambil barang niaga bernilai RM800 dan tunai sebanyak RM3,000.
- (5) Peralatan pejabat telah dibeli pada 1 Januari 2012 pada harga RM10,000 dan akan disusutnilaikan selama lima tahun tanpa nilai sisa. Polisi perniagaan telah menetapkan semua aset disusutnilaikan dengan menggunakan kaedah garis lurus.
- (6) Nota belum bayar telah diterbitkan pada awal tahun.

**Dikehendaki:**

Sediakan,

- (i) Penyata pendapatan komprehensif (penyata pendapatan) bagi tahun berakhir 31 Disember 2013, (7 markah)
- (ii) Penyata kedudukan kewangan (kunci kira-kira) pada 31 Disember 2013. (9 markah)